



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Berita Harian - Bajet 2019 Kurangkan Perbelanjaan

Berita Harian - Bajet 2019 Kurangkan Perbelanjaan

🕒 Khamis, Sep 20 2018



Bajet 2019 kurangkan perbelanjaan

● Kerajaan
susun semula
proses
pemerolehan,
perkenal tender
terbuka semua

suklah perbelanjaan pembangu-
nan, seperti dibayangkan oleh
tindakan kerajaan baru-baru
ini untuk membatalkan atau
menangguhkan projek infras-
truktur, selain emolumen kaki-
tangan awam selepas pember-
hentian 17,000 lantikan politik.

"Subsidi (RM26.5 bilion atau 9.5
peratus perbelanjaan) mungkin
menyaksikan pengurangan seder-
hana antara tiga ke lima peratus
ketika kerajaan membatalkan

berkembang pada 5.0 peratus
bagi 2018 dan 2019, lebih rendah
berbanding 5.9 peratus pada 2017
berikutan permintaan luaran
yang lemah.

Katanya, aktiviti ekonomi glo-
bal yang lebih perlahan juga ber-
kemungkinan besar turut mem-
beri kesan terhadap permintaan
eksport Malaysia.

"Prospek pertumbuhan dalam
kalangan pasaran sedang pesat
membangun dan ini turut mem-
percepatkan pertumbuhan ekonomi

dalam minggu pertama Sep-
tember yang hanya menambah
1.1 peratus penyusutan nilainya
pada Ogos.

Impak krisis mata wang

"Walaupun mata wang pasaran
sedang pesat membangun me-
ngalami ketidaktentuan baru-
baru ini susulan krisis lira Turki,
kami menjangkakan impaknya
terhadap mata wang lain pa-

pemerolehan awam

Oleh **Bisnes NSTP**
bhbiz@nstp.com.my

Bajet 2019 dijangka menyaksikan perubahan besar ketika kerajaan menyusun semula proses pemerolehan dan memperkenalkan tender terbuka bagi semua pemerolehan awam.

Ahli Ekonomi RHB Research, Vincent Loo Yeong Hong, berkata antara yang bakal menyaksikan pemotongan ketara sehingga 10 peratus termasuklah bekalan dan perkhidmatan, yang diperuntukkan sebanyak RM33.6 bilion, atau 12 peratus daripada keseluruhan Bajet 2018 selain geran dan pemindahan, yang menerima RM38 bilion atau 13.6 peratus sebelum ini.

Beliau berkata, perkara lain yang mungkin terjejas terma-

ketika kerajaan membayangkan bahawa subsidi bahan api akan disasarkan kepada kereta dengan kapasiti enjin di bawah 1,300cc dan motosikal di bawah 125cc," katanya.

Kekal paras defisit bajet

Beliau berkata, perubahan besar dalam Bajet 2019 juga disebabkan kerajaan berdepan pengurangan hasil daripada penggantian Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), selain membenarkan syarikat untuk tolak selesai ke atas pulangan cukai pendapatan yang terhutang pada tahun-tahun sebelumnya bagi cukai yang perlu dibayar pada tahun-tahun akan datang.

"Secara keseluruhan, ini akan menyaksikan pemotongan besar perbelanjaan bajet dan kami menjangkakan defisit bajet akan dikekalkan pada 2.8 peratus bagi 2019, sama dengan paras pada 2018," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata RHB Research menjangkakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar Malaysia akan

membangun dan maju ternyata semakin tidak menentu berikutan faktor seperti peningkatan harga minyak, kadar faedah Amerika Syarikat (AS) yang semakin meningkat, pertikaian perdagangan yang terus ketara serta tekanan pasaran terhadap mata wang beberapa ekonomi yang memiliki asas lemah.

"Sejajar dengan persekitaran unjuran pertumbuhan yang lebih lemah dan perang dagangan AS-China yang terus ketara, kami mengunjurkan eksport sebenar Malaysia akan susut kepada 3.5 peratus bagi 2019 berbanding anggaran 4.0 peratus tahun ini. Pertumbuhan import pula dijangka meningkat kepada 3.5 peratus daripada 3.1 peratus bagi tempoh sama," katanya.

Dari segi prestasi mata wang, ringgit diunjur lemah bagi minggu-minggu mendatang sebelum mencecah paras RM4.10 berbanding dolar AS, menjelang akhir 2018.

"Ringgit susut sebanyak 0.9 peratus berbanding dolar AS ke tahap terendah dalam tempoh sembilan bulan iaitu RM4.1465

saran itu adalah terhad selepas para pelabur memberi reaksi ke atas jangkaan membabitkan kadar faedah Rizab Persekutuan AS (Fed)," katanya.

Sementara itu, Institut bagi Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) berkata, pengenalan cukai digital baharu boleh meningkatkan pendapatan dalam jangka pendek.

Namun, badan pemikir itu berkata ia boleh meningkatkan kos barangan dan perkhidmatan di Malaysia.

"Peningkatan kos digital boleh menyumbang kepada kenaikan harga pengguna dan perniagaan di negara ini, yang mana akan memperlambatkan pembangunan ekonomi digital di Malaysia, khususnya bagi syarikat permulaan dan syarikat kecil dan sederhana (PKS).

"Jika Malaysia memperkenalkan cukai digital langsung, ia mungkin akan menggalakkan negara lain untuk mengambil langkah sama yang mana akan menjejaskan firma negara ini yang meninjau untuk eksport ke pasaran berkenaan," katanya.



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**